

Hubungan Malaysia — Thai diperluas

BANGKOK, Isnin — Kerjasama erat antara Malaysia dan Thailand di bidang politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan selama ini menguntungkan rakyat kedua negara.

Ini ditegaskan dalam kenyataan bersama dikeluarkan oleh Perdana Menteri kedua negara, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Jen. Prem Tinsulanonda di akhir lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia itu hari ini.

Kedua pemimpin itu juga bersetuju agar kerjasama yang lebih luas, terutama dalam soal keselamatan sempadan bersama, diperkukuhkan.

Selanjutnya, kedua pemimpin itu mengakui, ketahanan kebangsaan masing-masing mestilah dikukuhkan lagi bagi menghadapi cabaran politik kedua negara dan serantau.

Mengenai isu Kampuchea, kenyataan bersama itu menekankan perlunya semua tentera asing berundur dari negeri berkenaan dan rakyat negara itu diberi kuasa mutlak menentukan nasib politik mereka.

Isu Kampuchea

Datuk Seri Dr. Mahathir dan Jen. Prem juga puashati perisidangan antarabangsa Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea yang diadakan baru-baru ini yang mendapat sokongan masyarakat antarabangsa.

Mereka menyeru semua pihak yang terlibat dengan konflik Kampuchea itu bekerjasama dengan jawatankuasa sementara yang dilantik berikutan resolusi yang dicapai dalam persidangan tersebut supaya penyelesaian

dapat dijadikan kenyataan.

Kenyataan bersama itu juga menyebut, kedua pemimpin bersetuju, cuma penyelesaian politik di Kampuchea itu akan menjamin keamanan, kebebasan dan berkecuali negara-negara Asia Tenggara dan memberi mereka peluang menumpukan perhatian kepada pembangunan dalam negara masing-masing.

Mengenai isu Afghanistan pula, Datuk Seri Dr. Mahathir dan Jen. Prem sependapat, penyelesaian politik yang dapat diterima oleh semua pihak terlibat sahaja dapat menjamin hak kebebasan menentukan nasib mereka sendiri di negeri itu.

Kenyataan itu juga mengumumkan, Jen. Prem bersetuju menerima undangan Datuk Seri Dr. Mahathir melawat Malaysia.